

Tambahan Kertas Kerja

## "Perkahwinan dan Perceraian Undang-Undang Islam"

Oleh

Professör Ahmäd Ibrahim

### Undang-Undang di Malaysia

#### 1. Pertunangan

Jika mungkir janji tuntutan boleh dibuat untuk mendapat balik barang-barang atau belanja.

#### 2. Perkahwinan

(a) Perkahwinan ialah perjanjian yang kuat yang diadakan dengan lafaz ijab (atau tawaran) dan qabul (atau penerimaan) di hadapan saksi, sekurang-kurangnya dua lelaki yang adil.

(b) Mengikut mazhab Shafii persetujuan pihak perempuan hendaklah diberi melalui walinya. Wali ialah bapa atau datuk atau saudara. Jika tidak ada wali nasab atau wali nasab enggan memberi izin tanpa sebab yang menasabah, kathi boleh menjalankan tugas sebagai wali raja atau wali hakim.

(c) Maskahwin hendaklah diberi kepada pihak perempuan. Maskahwin boleh tunai atau hutang.

(d) Syarat-syarat yang sah boleh diadakan di dalam perjanjian perkahwinan dan ta'alik biasanya diadakan.

(e) Pihak-pihak hendaklah memberi persetujuan, akan tetapi seorang bapa atau datuk boleh adakalanya mengahwinkan anak perempuannya dengan kuasa wali mujbir.

(f) Biasanya seorang Islam hendaklah berkahwin dengan orang Islam, akan tetapi seorang lelaki Islam boleh berkahwin dengan perempuan kitabiyah.

(g) Ada larangan berkahwin oleh kerana perhubungan (i) darah; (ii) perkahwinan dan (iii) susunan.

(h) Dibenarkan seorang lelaki berkahwin lebih dari satu dengan syarat dia bersikap adil. Biasanya di Malaysia izin perlu didapati dari kathi.

Seorang tidak boleh berkahwin dengan dua perempuan yang ada perhubungan darah satu dengan lain.

(i) Seorang lelaki biasanya tidak dibenarkan berkahwin dengan bekas isteri yang telah dicerai dengan tiga talak, melainkan jika isteri itu telah berkahwin dengan seorang lelaki lain dan perkahwinan itu telah dibubarkan.

(j) Perkahwinan hendaklah didaftarkan.

### 3. Perhubungan Suami Isteri

(a) Seorang isteri mempunyai semua haknya dan tidak hilang hak itu oleh kerana perkahwinannya.

(b) Seorang suami harus memberikan nafkah kepada isteri dan anaknya. Jika isteri tidak mendapat nafkah dia boleh membuat tuntutan di mahkamah kadhi.



(c) Jika ada perselisihan antara suami dan isteri, pengaduan boleh dibuat di Mahkamah Kadhi.

#### 4. Perceraian

(a) Talak oleh suami. Biasanya langkah-langkah diambil untuk mendamaikan sebelum perceraian didaftarkan.

(b) Perceraian boleh dengan talak satu, dua atau tiga.

(c) Cerai ta'alik - jika ada ta'alik pada masa perkahwinan.

(d) Kholo' - menebus diri dengan persetujuan Kathi.

(e) Fasakh - dengan hukuman Kathi oleh kerana tidak berupaya memberi nafkah.

(f) Melalui Hakam.

#### 5. Tuntutan Berhubung dengan Perceraian

(a) Maskahwin

(b) Nafkah untuk masa 'iddah.

(c) Muta'ah.

(d) Hak jagaan anak.

SESTI-SATU  
ISNIN, 24 AGOS 1981  
10.30 - 12.30 PAGI